Vaksin COVID-19 yang dikemas kini tersedia di klinik.

Berbincang dengan doktor anda sama ada vaksin COVID-19 sesuai untuk anda.

Vaksinasi Covid-19 Membantu Melindungi Detik Berharga Anda.

FOR THE FUTURE OF US

Lindungi diri anda dan orang lain hari ini!

knowpneumonia.sg/covid-19

APA ITU COVID-19?[1,2]

COVID-19 ialah jangkitan virus yang disebabkan oleh koronavirus SARS-CoV-2. Virus ini boleh merebak dari mulut atau hidung orang yang dijangkiti apabila mereka batuk, bersin, bercakap, menyanyi atau bernafas. Virus COVID-19 boleh bermutasi dengan cepat dan berpotensi untuk merebak dengan cepat.

GEJALA COVID-19[1,3]

Gejala COVID-19 yang paling biasa termasuk:

- DEMAM
- BATUK
- KELESUAN
- KEHILANGAN RASA ATAU BAU

Gejala yang kurang biasa:

- SAKIT TEKAK
- SAKIT KEPALA
- SAKIT BADAN
- CIRIT-BIRIT
- RUAM PADA KULIT, ATAU PERUBAHAN WARNA JARI TANGAN ATAU JARI KAKI
- MATA MERAH ATAU KERENGSAAN MATA

Gejala serius:

- SUKAR BERNAFAS ATAU SESAK NAFAS
- KEHILANGAN PERTUTURAN ATAU PERGERAKAN, ATAU KEKELIRUAN SAKIT DADA

APA ITU COVID BERPANJANGAN?

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia, COVID berpanjangan ialah kesinambungan atau perkembangan gejala baharu 3 bulan selepas jangkitan awal SARS-CoV-2, yang mana gejala ini berlarutan sekurang-kurangnya 2 bulan tanpa penjelasan lain[4,5].

Kajian menunjukkan bahawa kira-kira 10–20% orang yang dijangkiti SARS-CoV-2 mungkin terus mengalami gejala yang boleh didiagnosis sebagai COVID berpanjangan[6].

SIAPAKAH YANG BERISIKO MENGALAMI COVID-19 YANG TERUK?[7]

- ORANG YANG BERUMUR 60 TAHUN DAN KE ATAS
- ORANG YANG TINGGAL DI TEMPAT PENJAGAAN ORANG TUA
- ORANG YANG *RENTAN PERUBATAN DAN BERUMUR 12 TAHUN+

Kanak-kanak (6 bulan dan ke atas) dan orang dewasa, khususnya, pekerja penjagaan kesihatan, serta ahli keluarga dan penjaga individu yang rentan perubatan digalakkan untuk menerima dos tambahan vaksin yang dikemas kini.[7]

Lama kelamaan, terdapat pengurangan dalam perlindungan yang ditawarkan oleh vaksin dan jangkitan COVID-19. Dos tambahan vaksin COVID-19 yang dikemas kini boleh membantu memulihkan perlindungan yang telah berkurangan sejak vaksinasi sebelumnya.[8]

*Rentan Perubatan merujuk kepada (a) Orang yang berumur 60 tahun ke atas (b) Pesakit yang lemah imun atau mempunyai keadaan perubatan serentak seperti obesiti (cth., orang dewasa dengan BMI >31, hipertensi, kencing manis, penyakit jantung dan paru-paru kronik, penyakit buah pinggang yang menjalani dialisis, keadaan hiperkoagulasi, kanser, atau pesakit yang menggunakan ubat yang menyebabkan pengimunotindasan; (c) Wanita yang hamil; (d) Orang yang mengalami sindrom Down[10]

MANFAAT VAKSIN COVID19[7]

1. Membantu melindungi daripada penyakit yang teruk
2. Mengurangkan peluang penularan
3. Mengurangkan beban ke atas sistem penjagaan kesihatan kita

KEMUNGKINAN KESAN SAMPINGAN[9]

Sakit, kemerahan, bengkak di tempat suntikan, demam, menggigil, sakit kepala, sakit otot, sakit sendi dan keletihan.

Sentiasa dapatkan rawatan perubatan jika anda berasa tidak sihat atau tidak pasti tentang apa yang perlu dilakukan.

Lindungi diri anda dan orang lain hari ini!

knowpneumonia.sg/covid-19

RUJUKAN: 1. World Health Organization: Coronavirus disease (COVID-19), Symptoms. https://www.who.int/health-topics/coronavirus#tab=tab_1 (Accessed 01 Feb 2024) **2.** Center for Devices and Radiological Health. SARS-CoV-2 Viral Mutations: Impact on COVID-19 Tests. U.S. Food and Drug Administration. Accessed September 19, 2023. https://www.fda.gov/medical-devices/coronavirus-covid-19-and-medical-devices/sars-cov-2-viral-mutationsimpact-covid-19-tests. **3.** Ministry of Health Singapore. COVID-19. https://www.moh.gov.sg/covid-19 (Accessed 1st Feb 2024) **4.** Centers for Disease Control and Prevention. Long COVID. https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/long- term-effects/index.html. Updated 16 December 2022. Accessed 7 August 2023 **5.** World Health Organization.Post COVID-19 condition (Long COVID): https://www.who.int/europe/news-room/fact-sheets/item/post-covid-19-condition (Accessed 31 JAN 2024) **6.** Davis, H.E., McCorkell, L., Vogel, J.M. *et al*. Long COVID: major findings, mechanisms and recommendations. *Nat Rev Microbiol* 21, 133–146 (2023). https://doi.org/10.1038/s41579-022-00846-2. **7.** Covid-19 vaccination. Ministry of Health. https://www.moh.gov.sg/covid-19/vaccination (Accessed 13 Feb 2024). **8.** Centre for Disease Control and Prevention (CDC): Stay Up to Date with COVID-19 Vaccines. https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/vaccines/stay-up-to-date.html (Accessed 31 Jan 2024) **9.** FAQs-About Covid-19 Vaccines. Ministry of Health. https://www.moh.gov.sg/covid-19/vaccination/faqs-about-covid-19-vaccines#:~:text=my%20first%20dose%3F-,A%3A,pain%20are%20not%20allergic%20reactions. (Accessed 30 Jan 2024) **10.** Ministry of Health Singapore: Advisory on Vulnerable Group (updated 9 Feb 2023) https://file.go.gov.sg/advisory-vulnerable-group.pdf (Accessed 31 JAN 2024)

Penafian: Brosur ini memberikan maklumat asas untuk membantu anda memahami jangkitan COVID-19. Ini tidak bermaksud untuk menggantikan nasihat profesional perubatan. Sila berbincang dengan doktor anda jika anda mempunyai sebarang soalan atau kebimbangan.

Semua imej yang digunakan adalah untuk tujuan ilustrasi.

COVID-19: Penyakit koronavirus 2019

BIONTECH Pfizer

Pfizer Private Limited
80 Pasir Panjang Road, #16-81/82,
Mapletree Business City, Singapore 117372
Tel: (65) 6403 8888 | Fax: (65) 6403 8868 | www.pfizer.com.sg

Co. Req. No: 196400192M
PP-CMR-SGP-0235\30JAN2024